



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM PELEPASAN BENIH UDANG GALAH KE PERAIRAN UMUM DAN PENYERAHAN BANTUAN SPeKS

1. Jabatan Perikanan Negeri Melaka telah mengadakan program pelepasan benih udang galah ke perairan umum. Sebanyak **100,000 benih udang galah dilepaskan hari ini oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah, Timbalan Menteri 1 Pertanian dan Industri Makanan.**
2. Bagi tahun 2021, **DOF mensasarkan sebanyak 280,000 benih udang galah dan ikan untuk dilepaskan ke perairan umum di Melaka.** Program inventori sungai telah diadakan terlebih dahulu sebelum pelepasan benih udang dan ikan dibuat. Program inventori merupakan proses mengenalpasti kawasan dan spesies asli yang berada di kawasan tersebut.
3. Antara matlamat dan objektif program pelepasan benih udang dan ikan adalah bagi; 1) **Menambah dan mengekalkan stok udang galah di perairan umum;** 2) **Melindungi stok ikan asli yang terdapat di perairan umum;** 3) **Memperkenalkan perikanan rekreasi sebagai suatu aktiviti utama dalam perairan yang berdekatan dengan bandar; dan 4) Membangunkan perusahaan pelancongan berasaskan perikanan rekreasi.** Justeru itu, jabatan berharap program pada hari ini dapat membantu meningkatkan pendapatan nelayan disamping memastikan sumber perikanan darat dan udang dipelihara.
4. Pada hari ini juga telah diadakan **penyerahan Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (ESHND) kepada 40 orang nelayan darat Daerah Alor Gajah dan 5 orang nelayan Darat Daerah Jasin.** 45 orang nelayan darat tulen telah didaftarkan oleh Pejabat Perikanan Negeri Melaka di bawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) Melaka 1992 berkuatkuasa 1 September 2020. Setiap nelayan menerima **sebanyak RM250.00 berbanding RM200.00** sebelum ini. Kenaikan sebanyak

RM50.00 ini diumumkan oleh Menteri Kewangan melalui pembentangan bajet 2021.

5. Jabatan Perikanan Negeri Melaka turut menyampaikan **bantuan Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) Akuakultur** yang melibatkan seramai **5 orang penternak di Daerah Alor Gajah dan 4 orang penternak di Daerah Jasin**. Bantuan yang disalurkan berbentuk **peralatan akuakultur, makanan ternakan, benih ikan dan pembinaan rak kupang** yang memperuntukkan jumlah sebanyak **RM211,400.00**.
6. Objektif bantuan SPeKS ini adalah untuk memastikan **Key Performance Index (KPI) data pengeluaran ikan makan negara tercapai khususnya bagi negeri Melaka yang mensasarkan 6,790 tan metrik bagi tahun 2021**. Bantuan ini juga secara tidak langsung dapat membantu penternak-penternak akuakultur negeri Melaka untuk terus berdaya saing dalam bidang akuakultur.
7. Turut hadir sama pada program hari ini adalah Yang Berhormat Datuk Norhizam bin Hassan Baktee, EXCO Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Melaka; Yang Berhormat Datuk Wira Hj. Ghazale bin Muhammad, SPEAKER Dewan Undangan Negeri Melaka; YBhg. Datuk Anis Binti Ali Hasan, Pegawai Daerah Jasin; YBhg. Datin Sapiah Binti Haron, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Jasin dan Ketua-ketua Jabatan serta Agensi.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

23 Mac 2021 (Selasa) jam 8.00 pagi

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 019-381 7402 (Ahmad Faizal)

012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my